

22 DEC 1998

Mahkamah-Anwar (Rakaman)

PERBUALAN ANWAR RAYU AZIZAN DIRAKAM, KATA UMMI HAFILDA

KUALA LUMPUR, 22 Dis (Bernama) -- Terdapat satu rakaman perbualan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang merayu dan meminta Azizan Abu Bakar, lelaki yang mendakwa diliwat oleh bekas Timbalan Perdana Menteri itu, supaya menafikan segala pertuduhan terhadapnya, mahkamah diberitahu hari ini.

Ummi Hafilda Ali, penulis surat yang mendedahkan dakwaan skandal seks Anwar berkata dakwaannya terhadap Anwar bukan rekaan malah mempunyai pita rakaman perbualan berkenaan.

"Terdapat satu insiden kami sempat merakamkan perbualan tertuduh (Anwar) dengan Azizan di mana tertuduh merayu-rayu dan meminta kerjasama Azizan untuk menafikan segala pertuduhan," katanya.

Ummi Hafilda berkata demikian pada perbincangan terhadap Anwar, 51, yang menghadapi empat tuduhan menyalahgunakan kuasa dengan menggunakan kedudukannya untuk campur tangan dalam penyiasatan polis berhubung dakwaan salah laku seks terhadapnya.

Beliau didakwa mengikut Seksyen 2(1) Ordinan No 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1970 yang membawa hukuman maksimum penjara 14 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya.

Perbincangan didengar di hadapan Hakim Datuk S. Augustine Paul.

Ummi Hafilda, 31, saksi pendakwaan ke-17 berkata demikian ketika disoal balas oleh peguam Anwar, Christopher Fernando. Beliau ialah adik bekas setiausaha sulit Anwar, Mohd Azmin.

Ummi Hafilda dalam surat "Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri" yang dihantarnya kepada Perdana Menteri mendakwa kononnya isteri Azmin, Shamsidar Taharin mempunyai hubungan sulit dengan Anwar dan surat itu disertakan bersama pengakuan bersumpah Azizan yang dia diliwat oleh Anwar.

Azizan merupakan bekas pemandu isteri Anwar, Datin Seri Wan Azizah Ismail.

Semasa dicadangkan bahawa beliau adalah yang terus memujuk Azizan untuk mereka-reka dakwaan itu, Ummi Hafilda berkata: "Surat pengakuan Azizan telah dibuat dengan penuh keinsafan dan perasaan ingin bertaubat.

"Ini bukan rekaan, izinkan saya sebutkan dialog-dialognya. Tape itu kini berada dengan Datuk Aziz Shamsuddin (setiausaha politik Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad).

Ummi Hafilda yang menolak ianya direka-reka berkata: "This is bulan Ramadan, Mr Fernando," yang disambut gelak ketawa mereka yang berada di tempat duduk awam.

Hakim Paul mencelah dan menengguhkan prosiding bagi membolehkan mereka yang beragama Islam menunaikan solat.

Sebelum itu Ummi Hafilda menolak cadangan Fernando bahawa beliau pernah memberitahu sesiapa bahawa beliau berunding untuk mendapatkan wang sehingga RM1 juta bagi Azizan.

Suasana dalam mahkamah riuh seketika apabila Fernando menyoal saksi berkaitan satu perbualan yang berlaku dalam tandas wanita.

Fernando: Dalam tandas wanita, adakah Ziela Jalil (isteri kedua Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob) memberitahu kamu bahawa selepas Azizan menyatakan tiga kali yang dia tidak diliwat oleh Datuk Seri Anwar, : "Kamu adalah punca semuanya, kamu mereka-reka cerita, sekarang Azizan dalam kesusahan."

Ummi: Sepanjang berada di mahkamah hampir dua bulan yang lalu, tidak ada satu keadaan saya bersama Ziela Jalil berada dalam tandas dan saya hairan macam mana Encik Fernando boleh berada di tandas perempuan.

Jawapannya membuat semua yang berada dalam mahkamah ketawa.

Fernando yang menjawab, "Awak mungkin terkejut", kemudian memberitahu mahkamah bahawa beliau tidak pergi ke tandas wanita.

Hakim kemudian mengingatkan Fernando supaya membuktikan dakwaannya itu.

Semasa peguam Gurbachan Singh menyoalnya, Ummi Hafilda berkata beliau tidak pernah menyaksikan sebarang perlakuan seks antara Anwar dan Shamsidar begitu juga perbuatan liwat antara Anwar dan sesiapa.

Sebelum itu Ummi Hafilda, pemegang Diploma Pentadbiran Awam dari Institut Teknologi Mara, berkata beliau tidak bersetuju dengan cadangan Fernando bahawa beliau membawa perkara Shamsidar dengan Anwar kerana beliau inginkan abangnya itu bercerai dengan kakak iparnya.

"Tetapi itu adalah ayat yang keluar dari mulut bapa saya sendiri sebelum dia mengubah pendirian sejak akhir-akhir ini," katanya.

Beliau menolak cadangan peguam bahawa tindakannya menulis surat itu bukan menolong abangnya dalam hal Shamsidar tetapi telah bertindak memalukan mereka pada pandangan umum.

Mengenai surat pengakuan bersumpah Azizan, beliau berkata beliau membuatnya dan meminta bekas pemandu kakak iparnya itu menandatangani dengan persetujuan bahawa maklumat yang diberikan adalah benar dan menolak dakwaan peguam bahawa surat itu dibuat tanpa pengetahuan keluarganya.

Beliau menolak cadangan peguam bahawa beliau mendapat imbuhan wang yang banyak untuk tujuan menulis surat Perihal Salah Laku itu.

Ummi Hafilda menolak cadangan peguam bahawa beliau menulis surat itu bagi menghalang Anwar daripada menjadi Perdana Menteri.

"Itu bukan kerja saya untuk halang tertuduh daripada menjadi Perdana Menteri, itu adalah tugas polis dan mahkamah," katanya.

Paul mencelah dan berkata bukan mahkamah yang tentukan siapa menjadi Perdana Menteri, lalu dijawab oleh Ummi Hafilda bahawa mahkamahlah yang akan menentukan sama ada Anwar bersalah atau tidak.

Semasa ditanya oleh Gurbachan mengenai hubungannya dengan Ziela, Ummi Hafilda berkata beliau mengenalinya empat tahun lepas melalui seorang lagi abangnya, Azwan, dan pernah ke luar negara bersama Ziela dan suaminya, Megat Junid pada tahun 1992.

Katanya beliau pernah ke London beberapa hari bersama Datuk Sng Chee Hua, rakan perniagaannya yang mengenali Ziela, beberapa hari sebelum Perhimpunan Agung Umno tahun ini.

Ummi Hafilda berkata beliau ke sana bersama keluarga Sng dan beliau akan menjalankan perniagaan dengan isteri Sng, Datin Susan awal tahun depan.

-- BERNAMA
NHD MAI